



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PENOLONG JURUAUDIT AGUNG TINGKAT I
(KUMPULAN 2 / KUMPULAN 1)
JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



- 1. PENOLONG JURUAUDIT AGUNG TINGKAT I
JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI
KUMPULAN 1 (\$5,900 SEBULAN) /
KUMPULAN 2 (\$5,400 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i. Mempunyai kelulusan *Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)* atau *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)* atau kelulusan profesional badan perakaunan yang diiktiraf.

ATAU

- ii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi / Kewangan / Pengauditan / Pengurusan / Perakaunan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau pengalaman dalam bidang Perakaunan dan / atau Pengauditan adalah kelebihan.

TANGGA GAJI KUMPULAN 1

2. i. Telah berkhidmat di Jabatan Audit sebagai Penolong Juruaudit Agung Tingkat I atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.



TANGG GAJI KUMPULAN 2

3. i. Telah berkhidmat di Jabatan Audit sebagai Penolong Juruaudit Agung Tingkat II atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji B.3 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
4. Mestilah mempunyai pengalaman dalam bidang Perakaunan dan / atau Pengauditan dan / atau Kewangan selama tidak kurang dari 3 tahun.
5. Menjadi ahli kepada salah satu Badan Perakaunan atau Badan Profesional yang diiktiraf.
6. Hendaklah terlebih dahulu menyediakan dua (02) kertas kerja yang asli (*original*) yang memuaskan pihak panel penilaian, berkaitan dengan tugas pegawai tersebut dalam dua (02) daripada bidang-bidang berikut sebagai satu penilaian kenaikan pangkat:
 - i. Kertas Pembaharuan Perkhidmatan Awam;
 - ii. Kertas Kedudukan Pendirian Negara (*Position Paper*) bagi mesyuarat di luar negeri;
 - iii. Kertas Penggubalan / Penelitian Dasar;
 - iv. Penyediaan Peruntukan Jabatan; dan
 - v. Kertas Kerja yang berkaitan dengan bidang masing-masing.

Kertas kerja yang telah disediakan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan masing-masing sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Bagi yang belum mempunyai dua (02) kertas kerja dikehendaki menghadapkan selepas dinaikkan pangkat.

7. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab ke atas pentadbiran hal ehwal Pegawai / Kakitangan bahagiannya;
2. Memastikan program pengauditan yang dirancang di dalam bahagiannya dilaksanakan di dalam tempoh yang ditetapkan;
3. Mengkaji semula (*review*) laporan-laporan Juruaudit-Juruaudit di bahagiannya sebelum dihadapkan ke Juruaudit Agung; dan
4. Membuat *post-mortem* ke atas prestasi bahagiannya.